

Parlimen: Gagasan 1Malaysia Difaham Dan Diterima Baik Rakyat – Maglin Bernama
12 Julai, 2012

KUALA LUMPUR, 12 Julai (Bernama) -- Tahap kefahaman dan penerimaan masyarakat terhadap Gagasan 1Malaysia meningkat secara berterusan, kata Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Maglin Dennis D'Cruz pada Khamis.

Beliau berkata ini berdasarkan beberapa siri kajian yang dibuat bagi mengukur sokongan masyarakat terhadap konsep Gagasan 1Malaysia, yang diperkenalkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada 2009.

Berdasarkan kaji selidik terhadap 29,832 responden pelbagai kaum di seluruh negara tahun lepas, D'Cruz berkata penerimaan masyarakat mencapai tahap 86.3 peratus, sekali gus menunjukkan ia mendapat sambutan menggalakkan daripada rakyat.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Senator Datuk Yunus Kurus yang meminta Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) menyatakan pencapaian Gagasan 1Malaysia dalam usaha menyatukan rakyat pelbagai kaum, keturunan dan suku bangsa di bawah satu matlamat dan objektif ke arah mewujudkan bangsa Malaysia.

Kajian Penerimaan dan Pengamalan Masyarakat Terhadap Gagasan 1Malaysia 2011 itu dilaksanakan Cawangan Penyelidikan KPKK, Jabatan Penerangan, Jabatan Hal Ehwal Khas (Jasa) serta Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN).

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680008>